

Qatar menjadi negara Islam pertama menjadi tuan rumah Piala Dunia

# Agong zahir tahniah kepada Qatar

**KUALA LUMPUR** – Yang di-Per-tuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan menerima menghadap Duta Besar Qatar ke Malaysia, Fahad Mohammed Kafoud di Istana Negara semalam.

Baginda menerima sembah taklimat Duta Besar Qatar ke Malaysia mengenai persiapan Qatar sebagai tuan rumah Piala Dunia 2022 yang dijadualkan berlangsung pada akhir November hingga pertengahan Disember 2022.

Datuk Pengelola Bijaya Diraja Istana Negara, Datuk Ahmad Fadil Shamsuddin berkata, Qatar negara Islam dan negara Timur Tengah pertama dipilih menjadi tuan rumah Piala Dunia.

"Al-Sultan Abdullah turut berkenan menerima persembahan daripada Duta Besar Qatar berupa replika kesemua lapan stadium yang telah dibina di Qatar bagi Piala Dunia 2022.

"Stadium tersebut ialah Al Khalifa International Stadium yang mempunyai 40,000 tempat duduk; Al Bayt Stadium (60,000); Al Janoub Stadium (40,000); Al Rayyan Stadium (40,000) dan Education City Stadium (40,000).

"Stadium lain ialah Ras Abu About Stadium (40,000), AlThumama Stadium (40,000) dan Lusail Stadium (80,000)," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Ahmad Fadil berkata, Yang di-Pertuan Agong menzahirkan ucapan tahniah kepada kerajaan Qatar atas kejayaan menyelenggara persiapan penganjuran Piala Dunia 2022 ketika dunia masih bergelut menghadapi ancaman Covid-19.

Menurut beliau, baginda turut menyatakan baginda mengikuti perkembangan terkini sukan bola sepak dunia khususnya di Asia kerana mempunyai minat yang mendalam terhadap sukan.

Jelas beliau, Yang di-Pertuan Agong terlibat aktif dalam sukan bola sepak di peringkat domestik dan antarabangsa.

Tambahnya, baginda turut berpengalaman menerajui beberapa persatuan sukan itu di dalam dan luar negara.

Katanya, Qatar merupakan rakan dagang keempat terbesar Malaysia di Asia Barat pada 2019 selepas Emiriyah Arab Bersatu, Arab Saudi dan Turki dengan jumlah dagangan RM3.43 bilion.



**FAHAD (kanan) mempersembahkan replika lapan stadium yang dibina di Qatar sebagai persiapan menjadi tuan rumah Piala Dunia 2022 kepada Al-Sultan Abdullah di Istana Negara semalam.**